



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Aras G - 6, Rumah Persekutuan  
Jalan Sultan Hishamuddin  
50678 KUALA LUMPUR  
MALAYSIA

Tel. : 03-2610 3300  
Faks : 03-2610 3499  
Portal Rasmi : [www.ptgwp.gov.my](http://www.ptgwp.gov.my)

Rujukan Tuan :  
Rujukan Kami : PTG/WP16/134 (81)  
Tarikh : 27 Mei 2020

**Badan Peguam Malaysia,**  
No. 13, 15 & 17,  
Leboh Pasar Besar,  
50050 Kuala Lumpur

**Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur,**  
4th Floor,  
Wisma Hangsam,  
No. 1, Jalan Hang Lekir,  
50000 Kuala Lumpur

**Jawatankuasa Peguam Selangor**  
No. 41, Jalan Bola Jaring 13/15,  
Seksyen 13,  
40100 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan


YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

## **MAKLUMAN TEMPAHAN URUSAN PERSERAHAN DAN PENYAKSIAN MELALUI e-JANJITEMU**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPTGWPKL) akan memperkenalkan e-JanjiTemu mulai 1 Jun 2020. Semua pelanggan hendaklah membuat tempahan untuk melaksanakan urusan **perserahan urusniaga dan bukan urusniaga** dan urusan **penyaksian**.
3. Tujuan e-JanjiTemu diperkenalkan adalah seperti berikut:
  - i) Membolehkan pelanggan seperti firma guaman merancang dan mengurus masa untuk berurusan.
  - ii) Mengurangkan masa menunggu.
  - iii) Menyokong inisiatif Kerajaan untuk menyesuaikan diri dengan kebiasaan baharu atau 'the new normal' dalam usaha mencegah covid-19 iaitu dengan mengawal jumlah pelanggan yang hadir pada waktu yang sama.
4. Syarat-syarat yang ditetapkan bagi tempahan janji temu adalah seperti berikut:
  - i) Tempahan di dalam e-JanjiTemu boleh dibuat oleh semua pengguna awam yang mempunyai ID dan kata laluan sistem e-Tanah.

*Sekata Kita Kita*



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT NO.: AR 5152

- ii) Tempahan melalui sistem ini adalah berdasarkan yang cepat didahulukan (*first come first serve*).
- iii) e-JanjiTemu boleh dibuat **mulai 1 Jun 2020** dan tempahan pertama adalah bermula pada **9 Jun 2020**.
- iv) Tempahan dibuka terhad sehingga dua (2) minggu ke hadapan. Contohnya pada 9 Jun 2020, tempahan untuk janji temu boleh dibuat bagi tarikh 9 sehingga 22 Jun 2020.
- v) Slip dan kod QR janji temu akan dikeluarkan selepas tempahan berjaya dibuat. Slip atau imej kod QR tersebut hendaklah dikemukakan ketika berurusan di kaunter berkenaan.
- vi) Tempahan bagi setiap firma guaman adalah terhad kepada dua (2) slot sahaja setiap hari.
- vii) Tempahan bagi setiap wakil firma adalah terhad kepada dua (2) slot sahaja setiap hari.
- viii) Pemohon perlu berada di pejabat ini sekurang-kurangnya 15 minit sebelum waktu janji temu. Pejabat ini berhak untuk membatalkan janji temu sekiranya lewat.
- ix) Pemohon hendaklah membatalkan tempahan e-JanjiTemu sekiranya tidak dapat hadir. Pejabat ini akan memantau prestasi kehadiran. Pemohon yang didapati sengaja menyalahgunakan sistem akan disekat daripada berurusan.
- x) Semua peguam dan wakil firma guaman **diwajibkan** untuk membuat tempahan janji temu melalui e-JanjiTemu bagi urusan perserahan urusan dan bukan urusan. Mana-mana peguam dan wakil firma yang hadir tanpa tempahan janji temu daripada firma guaman tidak dibenarkan membuat perserahan urusan dan bukan urusan.
- xi) **Selain urusan perserahan urusan dan bukan urusan dan penyaksian**, pemohon boleh hadir terus ke pejabat ini untuk berurusan.

5. Kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan diharapkan bagi memastikan urusan tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berjalan lancar.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**NOR AZURA BINTI ABDUL RAHMAN**

b.p. Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan

☎ : 03-26103401

✉ : [azura@ptqwp.gov.my](mailto:azura@ptqwp.gov.my)